

## 80,000 pekerja pembersihan tak terima RM1,500

**PETALING JAYA:** Dianggarkan sejumlah 80,000 pekerja pembersihan kontrak di sekolah dan hospital belum memperoleh gaji minimum RM1,500 meskipun dikuatkuasakan sejak 1 Mei lalu. Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pengurusan Sisa Semenanjung Malaysia (Kesatuan), Kamarul Baharin Mansor berkata, antara alasan yang diberikan adalah kerana kontrak perjanjian dengan kontraktor masih berdasarkan gaji minimum lama. Katanya, perkara itu tidak

sepatutnya berlaku kerana akta sudah ditetapkan selain rakyat kini sedang bergelut kenaikan kos sara hidup. "Kebanyakan pendapatan pekerja pembersihan kontrak masih pada kadar RM1,200. Apabila kita soalkan pada majikan, mereka jawab kontrak lama dan kontrak baharu tak perbaharui lagi, padahal dalam undang-undang tak kata kontrak apa-apa. "Majikan sepatutnya bertanggungjawab kerana apa alasan sekali pun dia bertanggungjawab ke atas perkara yang

sudah ditetapkan," katanya kepada *Utusan Malaysia*. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini mengumumkan pelaksanaan kadar gaji minimum baharu RM1,500 sebulan. Ketetapan itu terpakai memabitkan majikan tanpa mengira bilangan pekerja diambil dan menjalankan aktiviti profesional dikelaskan di bawah Piawai-an Pengelasan Pekerjaan Malaysia sebagaimana diterbitkan secara rasmi oleh Kementerian Sumber Manusia. Kamarul Baharin mendesak

kerajaan melakukan penguatkuasaan tegas bagi mengelakkan perkara itu berlarutan. Katanya, majikan tidak akan berani mengambil kesempatan sekiranya ada penguatkuasaan menyeluruh. "Majikan buat tak tahu sebab tahu kerajaan tak akan buat apa-apa tindakan," ujarnya. Beliau akan membawa isu berkaitan ketidakpatuhan kadar gaji itu pada Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan. Katanya, antara perkara dibangkitkan adalah untuk meminta tindakan mendakwa di-

ambil kepada majikan yang belum mematuhi kadar itu. "Sebab ia boleh sampai pada tahap memenjarakan majikan kalau syarikat gagal bayar. Sekarang saya cuma boleh nasihatkan pekerja yang kita sedang dalam perbincangan. "Kita tak mahu pekerja juga ambil tindakan ke arah melakukan demonstrasi," jelasnya. Dalam pada itu, Kamarul Baharin menyarankan supaya kontrak pekerja pembersihan di sekolah dan hospital diperuntukkan kepada konsesi berbanding kontraktor kecil.